



**KENYATAAN AKHBAR  
OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

**BERKENAAN:**

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2021 SIRI 1  
MENGENAI PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI PAHANG**

1. Pengauditan terhadap pengurusan syarikat dijalankan selaras dengan Perenggan 5(1)(d), Akta Audit 1957. Fasal (1) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Berdasarkan Fasal (2) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan pula, Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja atau Yang di-Pertua Negeri berkenaan yang hendaklah menyebabkan laporan tersebut dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri itu.
2. LKAN Tahun 2021 Siri 1 Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang telah dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat pada 3 Ogos 2022, setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Seterusnya, setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, LKAN ini akan dibentangkan di hadapan Dewan Negeri Pahang pada 13 Oktober 2022.
3. LKAN pada kali ini mengandungi perkara penting mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri seperti berikut:

- i. Satu pengauditan pengurusan syarikat Kerajaan telah dilaksanakan di negeri Pahang iaitu Rumpun Timur Sdn. Bhd. (RTSB). Secara keseluruhannya, objektif penubuhan RTSB untuk terlibat secara aktif dalam pengurusan dan operasi bidang komersial yang diceburi, khususnya dalam bidang penternakan ayam tidak tercapai.
  - ii. Tadbir urus korporat RTSB adalah memuaskan namun memerlukan penambahbaikan terhadap aspek Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat, Prosedur Operasi Standard dan Jawatankuasa Audit.
  - iii. Pengurusan aktiviti penternakan dan penjualan ayam adalah tidak cekap kerana tidak mencapai sasaran ditetapkan. Kelemahan dalam pengurusan dan pengendalian aktiviti utama syarikat menyebabkan operasi penternakan ditutup dan syarikat menanggung kerugian.
  - iv. Kedudukan kewangan RTSB adalah kurang stabil. Pendapatan menunjukkan trend penurunan dari tahun 2019 hingga 2021 serta mencatatkan kerugian terkumpul berjumlah RM4.15 juta pada tahun 2021. Kemampuan kewangan syarikat mempengaruhi penilaian usaha berterusan (going concern) syarikat pada masa akan datang.
4. Ketua Pegawai Eksekutif RTSB telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh pengurusan syarikat, Jabatan Audit Negara telah mengemukakan empat syor terhadap Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.
5. LKAN Tahun 2020 Siri 1 Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang ini akan dibentangkan di Dewan Negeri Pahang pada 13 Oktober 2022. Oleh itu, LKAN ini akan dimuat naik di laman web Jabatan Audit Negara pada tarikh yang

sama. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 13 Oktober 2022 selepas jam 10.00 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Ketua Audit Negara

13 Oktober 2022  
16 Rabiul Awal 1444 H